

Penggabungan pacu transformasi pendidikan

Kesinambungan dasar, program sistem pendidikan negara yang lebih berkualiti dan dinamik dijamin

Oleh Rusnan Mustafa

KOTA SAMARAHAN: Penggabungan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran yang membentuk Kementerian Pendidikan dilihat dapat memacu transformasi pendidikan negara setanding standard pendidikan antarabangsa menjelang 2020.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Fatimah Abdullah berkata, penggabungan itu akan menjamin kesinambungan dasar dan program dalam sistem pendidikan negara yang lebih berkualiti dan dinamik.

"Saya yakin pembentukan Kementerian Pendidikan baharu ini akan memacu transformasi pendidikan negara setanding standard

“ Saya yakin pembentukan Kementerian Pendidikan baharu ini akan memacu transformasi pendidikan negara setanding standard pendidikan antarabangsa menjelang 2020 kelak. ”

Datuk Fatimah Abdullah
Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga

pendidikan antarabangsa menjelang 2020 kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ikrar Pelajar Ambilan September 2013/2014 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Dewan DeTAR Putra, UNIMAS di sini, semalam.

Fatimah memberitahu menerusi penggabungan itu, perancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

(2013-2025) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara akan diperkukuhkan.

“Kolaboratif di antara pendidik di peringkat sekolah dan pengajian tinggi tentunya akan melahirkan modan insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baharu yang akan menentukan kemajuan dan kemakmuran masa depan negara,” tambahnya.

Beliau berkata, selaku ma-



KAMI BERJANJI: Pelajar baharu ambilan September 2013/2014 berikrar sebagai mahasiswa baharu UNIMAS, semalam.

hasiswa baharu, pelbagai cabaran dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai pelajar IPT bakal ditempuhi.

Justeru, beliau menegaskan pelajar perlu bijak mengimbangi keperluan untuk menjadi modal insan yang serba boleh agar dapat menem-

patkan diri dalam pasaran pekerjaan.

Pada masa yang sama, Fatimah turut mencadangkan agar setiap IPT di negeri ini

memperkenalkan program holistik yang merentasi semua disiplin kursus dengan memberi fokus kepada kemahiran sosiobudaya, komunikasi dan keusahawanan.

“Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pengalaman pembelajaran hendaklah mengutamakan secara seimbang domain afektif dengan domain kognitif,” ujarnya.

Semalam, seramai 3,642 pelajar baharu mengangkat sumpah sebagai mahasiswa baharu UNIMAS ambilan September 2013/2014.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa Prof Dr Fatimah Abang, TNC Penyelidikan dan Inovasi Prof Dr Peter Songan, TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman dan tetamu kehormat lain.